NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 69** **4hb September 2025** **No.36**

**No.1137.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

## FATWA MENGENAI FAHAMAN, AJARAN, PEGANGAN ATAU AMALAN GLOBAL IKHWAN SERVICES AND BUSINESS HOLDINGS SDN. BHD. (GISBH) DAN RANGKAIANNYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2024 pada 15 dan 16 Oktober 2024 telah membincangkan Fatwa Mengenai Fahaman, Ajaran, Pegangan atau Amalan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan Rangkaiannya. Fatwanya adalah seperti berikut:

1. Ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa oleh pemimpin, pengikut, pekerja atau ahli Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan rangkaiannya, didapati masih meneruskan pegangan serta amalan Darul Arqam dan Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) yang telah difatwakan sesat. Antara ciri penyelewengan dan kesesatan mereka sebagaimana yang berikut:

a) Mendakwa bahawa Asy-Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi/Syeikh Muhammad Suhaimi tidak mati tetapi ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahdi;

b) Mendakwa bahawa Ashaari bin Muhammad (Abuya), pemimpin Darul Arqam sebagai Pemuda Bani Tamim yang akan muncul bersama Asy-Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi/Syeikh Muhammad Suhaimi sebagai pembantunya di akhir zaman;

c) Mendakwa bahawa air basuhan anggota badan pemimpin dan air rendaman seperti rambut dan janggut pemimpin mempunyai berkat;

d) Mengamalkan sistem ekonomi yang mempunyai unsur perhambaan dan penindasan terhadap mereka yang terlibat serta eksploitasi ke atas ahli, kanak-kanak dan wanita; dan

e) Meneruskan amalan Aurad Muhammadiah atau Zikir Agung versi Darul Arqam yang telah difatwakan sesat.

2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan untuk —

a) Beramal atau berpegang dengan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya;

b) Menjadi pengikut kepada fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya;

c) Mengisytiharkan diri sebagai orang yang berpegang dengan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya;

d) Mengajar, menyebarkan, mengembangkan atau menyokong fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya;

e) Berada dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya;

f) Memiliki, menyimpan, menerbitkan, menyalin, mencetak, menjual, mengedar atau menyiarkan apa-apa bahan yang menonjolkan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa-apa bentuk termasuk filem, rakaman video atau audio, penulisan, akhbar, risalah, buku, majalah atau bentuk penulisan lain;

g) Menganjur, menyokong, mengadakan atau membantu menjayakan apa-apa perayaan, sambutan keraian, majlis atau aktiviti yang boleh dikaitkan dengan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya melalui pertubuhan, persatuan, syarikat, rumah amal, pusat jagaan atau badan lain; dan

h) Memberi apa-apa kemudahan, sumbangan, pembiayaan, bantuan atau sokongan secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana orang atau pertubuhan, persatuan, syarikat, rumah amal, pusat jagaan atau badan lain untuk tujuan menyebarkan atau mengembangkan fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini atau apa-apa fahaman, ajaran, pegangan atau amalan yang mempunyai persamaan dengannya.

3. Mana-mana orang Islam yang telah menyertai atau mengamalkan atau berpegang kepada fahaman, ajaran, pegangan atau amalan ini hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah SWT.

4. Agensi kerajaan berkaitan di peringkat negeri dicadangkan untuk membantu melaksanakan proses istitabah (bertaubat) dan pemulihan yang berterusan kepada pemimpin, pengikut, pekerja atau ahli Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan rangkaiannya.

5. Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan yang melakukan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang.

Bertarikh 15 Julai 2025
[JMNPP/(S)/19/1101/002 Klt. 5 (18); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

PROF. MADYA DATO' DR. MOHD SUKKI BIN OTHMAN
*Mufti*
*Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

*FATWA* UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA ON THE IDEOLOGY, TEACHINGS, BELIEFS OR PRACTICES OF GLOBAL IKHWAN SERVICES AND BUSINESS HOLDINGS SDN. BHD. (GISBH) AND ITS NETWORK*

*The Meeting of Penang State Fatwa Committee, No. 4/2024 held on 15 and 16 October 2024, deliberated on the understanding, teachings, beliefs or practices of Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) and its network. The fatwa is as follows:*

1. *The teachings, beliefs and understanding propagated by the leaders, followers, employees or members of Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) and its network are found to continue the beliefs and practices of Darul Arqam and Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) which have been declared heretical. Among the characteristics of their heretical and misguidance are as follows:*

    a) *Claiming that Asy-Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi/Syeikh Muhammad Suhaimi did not die but dematerialise and will appear as Imam Mahdi;*

    b) *Claiming that Ashaari bin Muhammad (Abuya), the leader of Darul Arqam as the Pemuda Bani Tamim who will appear with Asy-Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi/Syeikh Muhammad Suhaimi as his assistant in the end times;*

    c) *Claiming that the wash water from the leader's body or the water used to soak the leader's hair and beard carries blessings;*

    d) *Practicing an economic system that involves elements of slavery and oppression against those involved and exploitation of members, children and women; and*

*e) continuing the practice of Aurad Muhammadiah or Zikir Agung (Grand Remembrance) as practiced by Darul Arqam, which has been declared heretical.*

*2. Any Muslim whether individually or in groups is prohibited and forbidden from —*

*a) Practicing or adhering to the understanding, teachings, beliefs or practices of this group or any understanding, teachings, beliefs or practices resembling it.*

*b) Becoming a follower of this understanding, teachings, beliefs or practices or any ideology, teachings, beliefs or practices resembling it;*

*c) Declaring oneself as someone who adheres to this understanding, teachings, beliefs or practices or any ideology, teachings, beliefs, or practices resembling it;*

*d) Teaching, spreading, propagating or supporting this understanding, teachings, beliefs or practices or any ideology, teachings, beliefs or practices resembling it;*

*e) Attending ceremonies, celebrations or events that can be associated with this understanding, teachings, beliefs or practices or any understanding, teachings, beliefs or practices resembling it;*

*f) Possessing, storing, publishing, copying, printing, selling, distributing or broadcasting any materials that highlight this understanding, teachings, beliefs or practices or any understanding, teachings, beliefs or practices resembling it in any form, including films, video or audio recordings, writings, newspapers, pamphlets, books, magazines or other forms of literature;*

*g) Organizing, supporting, conducting or assisting in implementing any celebration, event, ceremony or activity that can be associated with this understanding, teachings, beliefs or practices or any understanding, teachings, beliefs or practices resembling it through organisations, associations, companies, charitable homes, care centers or other entities; and*

*h) Providing any facilities, contributions, funding, assistance or support directly or indirectly to any individual or organisation, association, company, charitable home, care center or other entities for the purpose of spreading or propagating this understanding, teachings, beliefs or practices or any understanding, teachings, beliefs or practices resembling it.*

3. *Any Muslim who has joined, practised or adhered to this understanding, teachings, beliefs or practices shall immediately repent and seek forgiveness from Allah SWT.*

4. *Relevant government agencies at the state level are recommended to assist in implementing continuous repentance (istitabah) and rehabilitation processes for the leaders, followers, employees or members of the Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) and its network.*

5. *Any Muslim whether individually or in groups, who engages in the above activities is committing an offence and may be taken legal action under the laws in force in Penang State.*

*Dated 15 July 2025*
[JMNPP/(S)/19/1101/002 Klt. 5(18); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

PROF. MADYA DATO' DR. MOHD SUKKI BIN OTHMAN
*Mufti*
*State Government of Penang*

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام
(نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004 [*اينكمن 2*]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى سباݢايمان يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن
GLOBAL IKHWAN SERVICES AND BUSINESS HOLDINGS SDN. BHD.
دان رڠكاينڽ (GISBH)

مشوارت جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2024/4 ڤد 15 دان 16 اوكتوبر 2024 تله ممبينچڠكن فتوى مڠناءي فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) دان رڠكاينڽ. فتواڽ اداله سڤرتي برايكوت:

1. اجرن، ڤݢڠن دان فهمن يڠ دباوا اوليه ڤميمڤين، ڤڠيکوت، ڤکرجا اتاو اهلي Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) دداڤتي ماسيه منروسکن ڤݢڠن سرتا عملن Darul Arqam dan Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) يڠ تله دفتواکن سست. انتارا چيري ڤڽليويڠن دان کسستن مريک سباݢايمان يڠ برايکوت:

a) مندعوا بهاوا الشيخ محمد بن عبدالله السحيمي/ شيخ محمد سحيمي تيدق ماتي تتاڤي غاءيب دان اکن مونچول سباݢاي امام مهدي؛

b) مندعوا بهاوا أشعاري بن محمد (أبويا) ، ڤميمڤين دار الأرقام سباݢاي ڤمودا بني تميم يڠ اکن مونچول برسام الشيخ محمد بن عبدالله السحيمي/ شيخ محمد سحيمي سباݢاي ڤمبنتوڽ د اخير زمان؛

c) مندعوا بهاوا اءير باسوهن اڠݢوتا بادن ڤميمڤين دان اءير رندمن سڤرتي رمبوت دان جڠݢوت ڤميمڤين ممڤوڽاءي برکة؛

d) مڠعملکن سيستم ايکونومي يڠ ممڤوڽاءي عنصور ڤرهمباءن دان ڤنيندسن ترهادڤ مريک يڠ ترليبت سرتا ايکسڤلويتاسي کأتس أهلي، کانق٢ دان وانيتا؛ دان

e) منروسکن عملن أوراد محمدية اتاو ذيکير اݢوڠ ۏرسي دار الأرقام يڠ تله دفتواکن سست.

2. مان - مان اورڠ إسلام سام اد سچارا ايديۏيدو اتاو برکومڤولن اداله دلارڠ دان دحرامکن اونتوق ——

a) برعمل اتاو برڤݢڠ دڠن فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠنڽ؛

b) منجادي ڤڠيکوت کڤد فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠنڽ؛

c) مڠيشتيهارکن ديري سباݢاي اورڠ يڠ برڤݢڠ دڠن فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠنڽ؛

d) مڠاجر، مڽيبارکن، مڠمبڠکن اتاو مڽوکوڠ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠنڽ؛

e) برادا دالم مجليس، ڤراياءن اتاو سمبوتن کراياءن يڠ بوليه دکاءيتکن دڠن فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠنڽ؛

f) مميليقي، مڽيمڤن، منربيتکن، مڽالين، منچيتق، منجوال، مڠيدر اتاو مڽيبارکن اڤ٢ باهن يڠ منونجولکن فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاءي ڤرساماءن دڠنڽ دالم اڤ٢ بنتوق ترماسوق فيلم، رقمن ۏيديو اتاو اءوديو، ڤنوليسن، اخبار، رساله، بوکو، مجله اتاو بنتوق ڤنوليسن لاءين؛

g) مڠنجور، مڽوکوڠ، مڠاداکن اتاو ممبنتو منجاياکن اڤ٢ ڤراياٴن، سمبوتن کراياٴن ، مجليس اتاو اکتيۏيتي يڠ بوليه دکاٴيتکن دڠن فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ٢ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاٴي ڤرساماٴن دڠنڽ ملالوٴي ڤرتوبوهن، ڤرساتوان، شريکت، روماه عمل، ڤوست جاݢاٴن اتاو بادن لاٴين؛ دان

h) ممبري اڤ٢ کمودهن، سومبڠن، ڤمبياياٴن، بنتوان اتاو سوکوڠن سچارا لڠسوڠ اتاو تيدق لڠسوڠ کڤد مان- مان اورڠ اتاو ڤرتوبوهن، ڤرساتوان، شريکت، روماه عمل، ڤوست جاݢاٴن اتاو بادن لاٴين اونتوق توجوان مڽبارکن اتاو مڠمبڠکن فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين اتاو اڤ-اڤ فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن يڠ ممڤوڽاٴي ڤرساماٴن دڠنڽ.

3. مان-مان اورڠ إسلام يڠ تله مڽرتاٴي اتاو مڠعملکن اتاو برڤݢڠ کڤد فهمن، اجرن، ڤݢڠن اتاو عملن اين هندقله سݢرا برتوبة دان مموهون کأمڤونن کڤد الله سبحانه وتعالى.

4. اݢينسي کراجاٴن برکاٴيتن د ڤريڠکت نݢري دچادڠکن اونتوق ممبنتو ملقساناکن ڤروسيس استتابة (برتوبة) دان ڤموليهن يڠ برتروسن کڤد ڤميمڤين، ڤڠيکوت، ڤکرجا اتاو اهلي Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) دان رڠکاينڽ.

5. مان-مان اورڠ إسلام سچارا ايديۏيدو اتاو برکومڤولن يڠ ملاکوکن ڤرکارا د اتس اداله ملاکوکن سواتو کسالهن دان بوليه دامبيل تيندقن د باوه اوندڠ-اوندڠ يڠ برکوات کواس د نݢري ڤولاو ڤينڠ.

برتاريخ 15 Julai 2025
[JMNPP/(S)/19/1101/002 Klt. 5(18); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 7]

ڤروفيسور مديا داتوء دکتور محمد شوقي بن عثمان
*مفتي*
*کراجاٴن نݢري ڤولاو ڤينڠ*